

Appendix A

Dr Muhammad Faishal Ibrahim: Tuan Speaker, masa depan yang tidak menentu memerlukan kita untuk berfikir secara berlainan dan melakukan sesuatu perkara dengan cara berlainan juga.

Kita mesti teruskan usaha untuk mengukuhkan keluarga, sebagai sebahagian daripada institusi masyarakat. Hari ini, sebilangan masyarakat kita masih menghadapi masalah berkaitan cabaran keluarga berantakan. Ini kerana oleh banyaknya sebab yang selalunya rumit dan saling berkaitan.

Dalam hal ini, kita mungkin perlu melihat cara yang berlainan untuk menghadapi isu ini, dan menukar amalan dan tabiat dalam menangani isu keluarga. Ini selain daripada meneliti sistem kita agar dapat memastikan semua pihak dalam keluarga dapat melaksanakan tanggungjawab dalam apa jua keadaan, baik dalam masa sukar mahupun ketika berlaku perpecahan dalam keluarga.

Contohnya, kita perlu teruskan usaha dalam menyebarkan mesej amalan yang baik dalam perancangan kewangan. Seminar dan bengkel kerja seperti 'Money Sense' dan 'Bijak Belanja' harus melepasi sekumpulan kecil masyarakat yang telah dikenalpasti.

Program-program ini harus membentuk sebahagian modul daripada program keluarga saling berkaitan, yang menyasarkan kumpulan kanak-kanak, warga emas, bujang, mereka yang telah berkahwin, serta kumpulan lain dalam masyarakat.

Satu lagi isu yang perlu dilihat semula adalah perancangan keluarga. Isu ini tidak harus dilihat sebagai isu angka semata, yakni berapa ramai anak kita ada. Apabila kita membincangkan tentang perancangan keluarga, kita harus melihat cara kita membesarkan anak-anak selagi mereka masih dalam jagaan kita. Kita harus mengkaji pembangunan dan penakatan keluarga.

Ini termasuk dalam soal kehidupan seharian, pendidikan, moral dan keperluan lain anggota keluarga kita. Dalam Sesi Bertemu Rakyat saya, saya sering bertemu kumpulan janda yang mengongsi pengalaman mereka tentang kegagalan bekas suami mereka membayar nafkah bagi anak mereka selepas perceraian.

Bekas suami pula sering memberi alasan bahawa mereka perlu menampung kos keluarga baru mereka, yang mungkin termasuk anak-anak kepada isteri baru mereka, sekaligus menyukarkan keupayaan mereka untuk menanggung perbelanjaan anak mereka daripada perkahwinan lama. Ini menambahkan kesukaran kepada keluarga khususnya dan boleh menjadi punca tekanan yang akan memburukkan masalah ke arah keberantakan keluarga.

Sedang kita bergerak ke hadapan, kita perlu mengemaskini sistem kita bagi memastikan mereka, khususnya kanak-kanak, tidak terjejas oleh keadaan ini. Bagi menjayakan usaha ini, semua pihak yang terbabit dalam pembangunan keluarga, termasuk pemain utama seperti suami, isteri, ibu bapa dan saudara kepada pasangan, serta pemimpin masyarakat dan agama, perlu memainkan peranan dalam meluaskan perspektif masyarakat kita berkaitan isu keluarga.

Orde Baru pada masa depan yang tidak menentu akan memerlukan masyarakat mempunyai corak pemikiran yang mahu terus mempertingkatkan kemahiran mereka, sebagai persediaan bagi perubahan yang mendatang dalam lanskap baru sosio-ekonomi.

Dalam dekad lalu, kita telah menyaksikan pemendekkan tempoh lingkaran ekonomi, selain perubahan pesat dalam teknologi dan enjin ekonomi yang membentuk agenda dunia.

Masyarakat kita mesti cepat bertindak kepada perubahan ini, bukan sahaja untuk mengharungi kesan ekor cabaran-cabaran yang timbul, tetapi juga memanfaatkan peluang dalam Orde Baru. Yang penting, nilai ini perlu menjadi sebahagian semangat Singapura agar kita dapat terus bertakat dan relevan dalam apa jua era pensejagatan.